



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 07 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **020701** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH MULA & TAMAT IKLAN	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
TENDER [FTA(CPTPP)] PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 18 JENIS FABRIK PAKAIAN KEPERLUAN TUGAS (PKT) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH 36 BULAN (Maklumat Lanjut sila layari laman sesawang:https://www.moh.gov.my dan MyPROCUREMENT) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/Eng] No.Tender: QT260000000013460 No. Jadual T/P&P: 154/2026	Tarikh Mula: 07 September 2026 (Isnin) Tarikh Tamat: 24 November 2026 (Selasa)	Tarikh : 15 September 2026 (Selasa) Masa : 3.00 petang Tempat : Bilik Gerakan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 4, Blok E7 Kompleks E 62590 WP Putrajaya Pautan Borang Pengesahan Kehadiran seperti berikut: https://forms.gle/ToWN35p4h1G9FMrk7 Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender. Kegagalan menghadiri sesi taklimat akan menyebabkan syarikat tidak layak untuk menyertai tender ini. Syarat menghadiri taklimat: Hanya dua (2) PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK)/Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat. Syarikat tidak dibenarkan untuk mewakilkan pegawai lain dan Kerajaan berhak untuk tidak mengesahkan kehadiran syarikat dalam sesi taklimat. Syarikat hendaklah membawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat ini.	1)Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut: (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa; (iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin of Preference – MOP</i>).	Secara ePerolehan

Telecenter:

**Bahagian Khidmat Pengurusan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, 7 Dan 8, Blok E7, Kompleks E, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 2831**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **07 September 2026 (Isnin)** dengan melayari **www.eperolehan.gov.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **24 November 2026 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**